



DUNIA MELAYU DALAM KARYA SASTERA PERANCIS

OLEH LAURENT METZGER

Sering kali nama negara atau watak, latar tempat, budaya dan karya sastra dari sesebuah negara muncul dalam karya sastra negara asing. Misalnya dalam sastra Rusia, sering kali terdapat perkataan dalam bahasa Perancis dalam beberapa buah novel Rusia, termasuk novel yang ditulis oleh pengarang Tolstoy (1828-1910) pada abad ke-19.

Sehubungan dengan itu, bagaimanakah pula hubungan antara dunia Melayu dengan pengarang dan karya bangsa Perancis? Banyak ditemui catatan tentang dunia Melayu dalam karya pengarang Perancis, sama ada novel yang ditulis oleh pengarang yang pernah tinggal di Malaysia/Tanah Melayu; atau mereka sudah meninggalkan dunia Melayu. Terdapat beberapa novel pengarang Perancis yang mencatatkan peristiwa yang berkesan tentang latar tempat di Malaysia/Tanah Melayu, cerita tentang pekerjaan di ladang getah atau kelapa sawit. Oleh sebab orang Barat pernah datang ke Tanah Melayu dan menceburkan diri dalam kegiatan perladangan, maka terdapatnya catatan latar tempat di Malaysia/Tanah Melayu dalam karya mereka. Terdapat empat buah novel, iaitu *Malaisie* (1930) oleh Henri Fauconnier yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bertajuk *Nurani Tanah Melayu*

oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh pada tahun 2015. Buku ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. Seterusnya, novel *Le Sacrilege Malais* (*Pencemaran Melayu*) oleh Pierre Boule, *L'équipée Malaise* (*Perjalanan ke Malaya*) dan *Le Fils du Planteur* (*Putra Seorang Peladang*) oleh Jean Rivane, serta *L'oreiller en Porcelaine* (*Bantal Porcelain*) oleh Christian Viancourt pada tahun 2001. Sebenarnya, novel Perancis yang berlatarbelakangkan perladangan getah bukan sahaja menceritakan peristiwa yang berlaku di Malaysia/Tanah Melayu, tetapi ada juga novel lain yang berpusat di Vietnam, Laos dan Indonesia.

Daripada senarai yang dinyatakan, jelas sekali bahawa novel yang paling baik dan banyak menceritakan Malaysia/Tanah Melayu ialah *Nurani Tanah Melayu* oleh Henri Fauconnier. Hal ini dikatakan demikian kerana novel tersebut bukan ditulis oleh seorang pelawat yang hanya singgah beberapa hari atau minggu di Tanah Melayu, tetapi pengarangnya tinggal dan mempelajari kebudayaan Melayu sehingga beliau dapat memperkenalkan kebudayaan tersebut kepada pembaca Perancis. Dalam novelnya, berbeza daripada kebanyakan novel atau cerpen yang ditulis oleh pengarang Inggeris, watak utamanya bukanlah orang Eropah atau Amerika tetapi orang tempatan, terutama sekali orang Melayu. Melalui novel ini, pembaca Perancis dimaklumkan tentang bahasa Melayu, mitos masyarakat Melayu dan sastra Melayu yang unik, iaitu pantun. Selain itu, karya agung *Bustan as-Salatin* juga turut disebut dalam novel tersebut. Hal ini

jarang-jarang diperhatikan dalam novel yang bercerita tentang Malaysia/Tanah Melayu. Oleh sebab itu, novel *Nurani Tanah Melayu* merupakan sebuah novel pengenalan kebudayaan Malaysia kepada pembaca asing. Menariknya, karya Henri Fauconnier memperlihatkan hubungan antara orang Melayu dengan orang Perancis. Sudah tentu kita juga sedar bahawa novel itu ditulis pada awal abad ke-20.

Melalui novel tersebut, para pembaca Perancis didedahkan dengan kegiatan di sebuah ladang getah. Semua proses perladangan getah, seperti penebangan hutan, pembakaran, penanaman anak pokok getah, perorehan getah pada waktu pagi, hubungan antara peladang dengan pekerja serta majikan, permulaan kesatuan pekerja, dan gerakan askar bil tang tiga diceritakan dalam novel tersebut.

Selain itu, dapat diperhatikan bahawa dalam novel Perancis, hal yang dititikberatkan ialah betapa pentingnya tajuk sesebuah novel. Misalnya, nama kota Melaka, yang dieja "Malacca", dalam karya Perancis. Muncul tiga buah novel melalui perkataan "Malacca", iaitu *La dame de Malacca* (*Nyonya dari Melaka*) oleh Frédéric de Croisset (1935) dan *Mon double à Malacca* (*Saya Berdua di Melaka*) oleh Claude Ollier (1982).

Judul yang dipilih oleh pengarang ialah satu sdran daripada ungkapan Melayu, iaitu "Pelanduk dua serupa". Seterusnya, *L'homme de Malacca* (*Orang dari Melaka*) oleh François Thibaux (1991). Nama begitu penting sehingga satu nama asing dipilih dalam tajuk pelbagai novel. Unsur "eksotisme" dapat diperhatikan di sini.

Di samping novel Perancis yang khusus tentang Malaysia/Tanah Melayu, ada juga pelbagai novel Perancis yang memperkenalkan negara Malaysia melalui pelbagai sifat yang lain. Jikalau nama tempat seperti Melaka diutamakan

dalam novel, beberapa nama lain, seperti nama negara, "Malaisie" dalam bahasa Perancis, sering ditemui. Lagi sekali untuk menarik perhatian bakal pembaca. Sebagai contoh, kita dapat menyebut tajuk novel *Les Lettres de Malaisie* (*Surat-surat Melayu*) oleh Paul Adam (1898). Novel tersebut merupakan satu utopia. Oleh hal yang demikian, nama "Melayu" diambil sebagai sesuatu yang aneh dan penuh dengan rahsia.

Seterusnya, nama Malaysia juga timbul dalam karya sastra Perancis untuk membawa unsur sesuatu yang jauh. Misalnya dalam drama *Fanny* (1931) oleh Marcel Pagnol, nama kapal yang dinaiki oleh kekasih Fanny ialah *Malaisie*. Manakala novel *Elisa ou La maison Malaise* (*Elisa atau Rumah Melayu*) yang terbit pada tahun 2006, merupakan sebuah novel yang menarik kerana menceritakan hubungan antara seorang gadis Malaysia dengan seorang pemuda Perancis. Novel ini ditulis oleh René Daillie, seorang pengarang dan penterjemah di Perancis yang pernah menghasilkan pelbagai kajian dan terjemahan pantun. Tajuk yang dipilih oleh Daillie mirip-mirip dengan tajuk novel *Blanche ou l'oubli* (*Blanche atau Kelupaan*).

Mengapakah nama Malaysia atau nama orang Melayu serta kata sifat terbitan nama itu digunakan dalam sastra Perancis? Salah satu jawapan ialah pelbagai penulis Perancis menggunakan nama asing sebagai daya tarikan kepada bakal pembaca. Dengan tajuk yang agak asing atau berlainan, maka kemungkinan para pembaca akan tertarik oleh tajuk yang dilihat dan akan membeli serta membaca novel yang mengandungi nama "Malaysia/Melayu" di dalamnya. Sifat asing atau berlainan boleh diuraikan sebagai sifat eksotisme. Sebenarnya, kita selalu berpendapat bahawa apa-apa jua yang wujud jauh daripada kita pasti mewakili

sesuatu indah, baik dan menarik jika dibandingkan dengan hal yang dekat dengan diri kita.

Sementara itu, terdapat dua buah novel Perancis, iaitu sebuah novel dari abad ke-20 dan sebuah lagi diterbitkan pada abad ke-21, yang menggunakan nama Melayu berjaya menghiburkan para pembaca di Perancis. Pengarang novel *Blanche ou l'oubli* (*Blanche atau Kelupaan*) dihasilkan oleh Aragon (1897-1982) pada tahun 1972. Aragon merupakan seorang pengarang sajak yang terkenal dan digemari oleh pembaca Perancis. Beliau kemudiannya menceburkan diri dalam bidang penulisan novel. Sambil membaca novel yang menceritakan peristiwa yang berlaku kepada beberapa watak, termasuk salah seorang perempuan yang bernama Blanche (Putih), para pemerhati dan pembaca begitu tertarik dengan pelbagai unsur dari Malaysia yang dimasukkan oleh pengarang ke dalam novel tersebut. Melalui kajian, pengkaji mendapati bahawa dalam novel tersebut, terdapat hampir 100 sebutan yang merujuk dunia Melayu. Novel tersebut 596 halaman (dalam edisi Folio, Gallimard, Paris, 2014) itu menampilkan, dunia Melayu timbul hampir tiap-tiap 50 halaman. Pasti ada satu sebutan atau rujukan kepada negara Malaysia atau Indonesia. Seakan-akan terdapat suatu peraturan tertentu berkenaan sebutan atau rujukan. Dalam erti kata, terdapat satu penyusunan teratur atau tetap berhubung dengan sebutan atau rujukan itu. Hampir sama dengan korus sebuah lagu!

Dalam novel *Blanche ou l'oubli* yang berhubung dengan bahasa Melayu-Indonesia, diketahui bahawa Aragon



Arts & Literature - General
Pg: 44 - 47

Ctrl.no = 0000275075
ART 2016/A04



SEBENARNYA, ARAGON BEGITU TERTARIK DENGAN PENGUNAAN BAHASA SAPAAN MELAYU-INDONESIA SEHINGGA PERKARA INI MUNCUL BEBERAPA KALI DALAM NOVELNYA.

begitu
tertarik
oleh
bahasa
sehingga beliau

bersusah payah mempelajari banyak bahasa, termasuk bahasa Melayu-Indonesia di Paris. Beliau bermula mempelajari bahasa tersebut selepas mendengar cerita tentang perisik perempuan pada awal abad ke-20 yang bernama Matahari (1876-1917). Bagi Aragon, perkataan bahasa Melayu "matahari", jauh lebih indah daripada perkataan dalam bahasa lain, seperti *sun* (bahasa Inggeris), *soleil* (bahasa Perancis), dan *sol* (bahasa Sepanyol). Oleh sebab itu, beliau begitu tertarik oleh bahasa Melayu sehingga memutuskan untuk mempelajarinya di sekolah swasta Berlitz. Namun begitu, beliau tidak puas hati dengan kaedah pengajarannya sehingga mengambil keputusan untuk berhenti belajar di situ. Aragon kemudiannya mendaftar di Sekolah Bahasa-bahasa Timur di Paris.

Berhubung dengan bahasa, Aragon dalam novelnya menyebut beberapa ayat dalam pelbagai bahasa, seperti Inggeris, Jerman dan Melayu. Misalnya, pada halaman 55, terdapat ayat, "Presiden Sukarno itu orang Amerika?" Jawapan, "Tidak, Presiden Sukarno bukan orang Amerika, tetapi orang Indonesia". Sebenarnya, jarang-jarang sekali para pembaca menemui ayat bahasa Melayu yang sedemikian dalam karya sastera Perancis.

Sebenarnya, Aragon bukan sahaja tertarik oleh pelbagai bahasa asing, tetapi beliau juga begitu menghormati para ahli bahasa yang terkenal, seperti pakar linguistik Jerman, Franz Bopp (1791-1867), dan pakar linguistik Denmark, Louis Hjelmslev (1899-1965).

Sesungguhnya, Aragon sangat tertarik oleh kosa kata bahasa Melayu dan kagum dengan kekayaan kata sapaan yang digunakan dalam bahasa Melayu-Indonesia jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, bagi Aragon, sintaks bahasa Melayu-Indonesia agak istimewa jika dibandingkan dengan bahasa Eropah. Menurut Aragon, kata sapaan berubah mengikut hubungan sosial, keluarga dan etnik. Pelajar harus sedar bahawa kata nama berubah mengikut orang yang disapa. Sebenarnya, Aragon begitu tertarik dengan penggunaan bahasa

sapaan Melayu-Indonesia sehingga perkara ini muncul beberapa kali dalam novelnya. Aragon bukan sahaja menjelaskan perkara ini, tetapi beliau turut mengemukakan pelbagai contoh kata nama tersebut, seperti perkataan patik, beta, aku, nyonya, datuk, engkau, sahabat, dan kakanda (hlm. 96 dan 97). Padahal, kita semua sedar bahawa dalam bahasa Inggeris dan Jerman, jumlah kata sapaan atau kata nama begitu kecil. Sebaliknya, salah satu bahasa yang paling kaya dalam kata sapaan ialah bahasa Mandarin. Misalnya, dalam hubungan keluarga, ada satu kata sapaan yang berlainan untuk hampir semua keadaan yang dapat ditemui.

Selain penggunaan bahasa, pelbagai nama tempat, seperti Batavia, Bogor (atau nama lamanya, Buitenzorg), Sumatera, Bali, dan Semananjung, turut disebut dalam novel atau cerpen Perancis.

Satu perkara lain yang dilihat dalam novel Aragon ialah peristiwa G30, iaitu peristiwa yang berlaku pada hujung bulan September tahun 1965 di Indonesia. Sebenarnya, watak dalam novel itu membincangkan hal yang berlaku di Eropah dan di Indonesia pada tahun 1960-an. Pelbagai nama tokoh Indonesia dapat diperhatikan dalam novel itu, seperti Presiden Soekarno pada Menteri Luar Subandrio. Aragon tidak hanya memberikan tumpuan kepada Indonesia, tetapi beliau juga menyebut tentang negeri Sarawak dan nampaknya

tertarik oleh orang tempatan yang tinggal di situ.

Melalui pembacaan novel *Blanche ou l'oubli*, pembaca Perancis diberitahu tentang bahasa Melayu-Indonesia dan berkemungkinan, mereka juga tertarik oleh bahasa itu. Dengan kata lain, novel tersebut begitu bermanfaat untuk mendedahkan keunikan bahasa serta kebudayaan Melayu kepada para pembaca Perancis melalui pembacaan novel Aragon.

Jauh lebih baharu ialah novel *Boussole (Kompas)*, yang ditulis oleh Mathias Enard. Novel tersebut menerima sambutan yang begitu hebat sehingga novel itu dikurniakan Hadiah Goncourt pada tahun 2015, iaitu hadiah tertinggi untuk novel terbaik di Perancis. Kaedah yang digunakan dalam novel *Boussole* hampir sama dengan novel *Blanche ou l'oubli*. Novel *Boussole* juga memperkatakan dunia Melayu, tetapi hanya menyatakan satu nama tempat di Malaysia jika dibandingkan dengan novel *Blanche ou l'oubli*. Nama latar tempat yang dijadikan sebagai perjalanan cerita dalam novel *Boussole* ialah negeri Sarawak. Yang agak istimewa, nama Sarawak dapat dibaca 20 kali dalam novel setebal 378 halaman itu. Nama "Sarawak" yang muncul dalam novel itu juga dianggap muncul seperti satu korus. "Sarawak" tidak muncul secara tiba-tiba tetapi secara tetap, pada kira-kira setiap 20 halaman dalam novel tersebut.

Novel ini mengisahkan lelaki dari Austria yang bernama Franz Ritter, yang sentiasa berhubung melalui surat dengan watak perempuan Perancis bernama Sarah. Sarah pernah melawat negeri Sarawak dan menulis makalah tentang negeri tersebut untuk sebuah jurnal antarabangsa. Franz Ritter begitu ingin tahu mengapa Sarah berada di Sarawak dan apakah keistimewaan negeri itu kepada Sarah? Novel *Boussole* turut memperkatakan kaum Berawan yang tinggal di pedalaman negeri Sarawak.

Kemunculan kaum Berawan pasti akan menarik pembaca Perancis untuk mengetahui dunia Sarawak dengan lebih mendalam lagi. Melalui watak Sarah, pembaca dapat menyaksikan kehidupan kaum Berawan sewaktu Sarah berada di negeri Sarawak (hlm. 374). Sebenarnya, dalam novel Mathias Enard, terdapat banyak sekali nama tempat. Mathias sememangnya begitu gemar melawat pelbagai negara di Timur Tengah dan Asia Tenggara.

Secara kebetulan, sebuah lagu yang ditulis dalam novel *Boussole (Kompas)* oleh Mathias Enard juga mirip dengan sebuah lagu yang pernah dinyanyikan dalam novel *Salina* oleh Sasterawan Negara A Samad Said. Dalam karya Enard, baris lagu itu berbunyi, "Sahar bolbol hekayat ba Sabā kard" (hlm. 333) yang bermaksud, "Pada waktu fajar, bulbul berbicara dengan angin sepoi-sepoi". Manakala dalam novel *Salina*, barisnya berbunyi begini, "Mera Bolbol Sorahahe!" (DBP, 1965: 131). Tajuk lagu itu bermaksud, "Bulbul kecil saya sudah tidur". Nama burung bulbul dalam bahasa Melayu sama seperti nama burung dalam bahasa Arab dan bahasa Hindi.

Nama negeri Sarawak juga digemari oleh para pengarang Perancis Pierre Schoendoerffer. Beliau pernah menulis sebuah novel bertajuk *Raja Wafat*, yang mengisahkan seorang raja di negeri Sarawak pada zaman pemerintahan Jepun. Novel itu diterbitkan pada tahun 1969.

Pengarang J. M. G. Le Clézio yang dikurniakan Hadiah Nobel Kesusasteraan pada tahun 2008 juga pernah memilih nama watak dari Malaysia dalam novelnya, *Révolutions (Revolusi)*. Novel yang terbit pada tahun 2003 itu mengisahkan watak askar perempuan bernama Lee Meng yang menyertai Bintang Tiga semasa darurat di Malaya/Malaysia. Hampir sama seperti novel *Blanche ou l'oubli* dan *Boussole*, nama Lee Meng hampir timbul sebagai satu korus kerana muncul beberapa kali dalam

novel itu. Walaupun karya tersebut sebuah novel, sebuah cereka, pengarang Perancis itu bebas bercerita tentang kisah sebenar, yang sememangnya berlaku di Malaysia/Tanah Melayu. Dalam novel tersebut, watak Lee Meng diselamatkan daripada hukuman gantung, bukan oleh watak seorang bangsa asing tetapi oleh peguamnya, iaitu bekas duta Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, P. G. Lim (1915-2013). Kisah ini ialah kisah benar yang dikreatifkan dengan baik oleh Le Clézio. Selain itu, beliau tidak lupa memasukkan latar tempat, seperti ladang getah dan hutan hijau yang sememangnya wujud di Malaysia/Tanah Melayu. Kesemua catatan tentang Malaysia/Tanah Melayu dalam novel *Révolutions* berdasarkan sumber sejarah Malaysia melalui pengalaman bapa Le Clézio sendiri yang pernah bertugas sebagai seorang askar British semasa Perang Dunia Kedua.

Dapat dirumuskan, para pengarang asing sering memilih nama yang dianggap halus dan istimewa; berlainan daripada nama tempat yang biasa diketahui oleh pembaca. Hal ini dilakukan demikian supaya para pembaca tertarik dan memilih, serta memperoleh ilmu baharu hasil daripada membaca novel yang menceritakan sesuatu yang berbeza.

Sungguhpun penulis tidak menyenaraikan semua novel yang menyebut tentang Malaysia, tetapi hanya memilih beberapa buah novel. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan bahawa nama Malaysia atau unsur yang ada dalam dunia Malaysia dianggap begitu menarik oleh pengarang Perancis dalam karya mereka. Pengarang Perancis berpendapat bahawa unsur itu harus dimasukkan ke dalam karya mereka kerana unsur eksotik dan misteri Malaysia dan Melayu, berupaya untuk menarik bakal pembaca membacanya, lantas mengetahui sesuatu yang tidak mereka ketahui sebelum ini untuk disingskap dan dibuka keindahannya. ■